

17/06/1999

Asnita umum dividen 10 peratus

KUALA LUMPUR, Rabu - Amanah Saham Wanita (Asnita) mengumumkan pemberian dividen kasar 10 peratus bagi enam bulan pertama tahun ini kepada semua pemegang sahamnya yang melabur sehingga 30 Jun lalu.

Ini adalah pengisytiharan dividen yang kedua oleh Asnita, selepas ia dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 5 Mei tahun lalu.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1998, Asnita membayar dividen lapan peratus bersamaan empat sen seunit, kepada semua pelaburnya.

Pengerusi Eksekutif Hijrah Unit Trust Management Bhd (Hijrah), pengurus Asnita, Rohani Mohd Shahir berkata, pemberian dividen itu adalah secara penuh.

Ini bermakna mereka yang melabur sebelum ataupun pada 30 Jun 1999, layak menerima dividen itu, yang dikreditkan terus ke akaun pelabur.

"Pemberian dividen ini berdasarkan prestasi nilai aset bersih (NAB) Asnita bagi tahun semasa. Bagi tempoh 24 Disember 1998 hingga 15 Jun 1999, peratus pulangan yang dikira dari segi kenaikan NAB ialah 23.91 peratus.

"Bagaimanapun, kami mengambil keputusan untuk mengikut amalan biasa industri mereka boleh membuat jualan balik di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan juga di pejabat Hijrah," katanya.

Jumlah pelabur Asnita sekarang ialah 69,215 orang dengan unit terjual sebanyak 143.41 juta bernilai kira-kira RM73 juta.

Asnita, yang diusahakan Pergerakan Wanita Umno, menawarkan 400 juta unit saham pada harga 50 sen seunit.

Rohani berkata, sasaran Asnita ialah mengekalkan kedudukan sebagai satu daripada lima dana berlandaskan syariah yang mendapat pencapaian tertinggi mengikut piawaian Lippers Asia Ltd dan Standard & Poor's Micropal.

"Selain pengagihan dividen dua kali setahun, kami juga berusaha meningkatkan pemberian dividen melebihi pulangan simpanan tetap di pasaran.

"Kami juga dalam proses perbincangan dengan bank komersil seperti Oriental Bank, EON Bank, Bank Islam Malaysia Bhd, BSN Commercial Bank dan Bank of Commerce untuk melantik mereka sebagai agen kutipan," katanya.

(END)